



SYARAT DAN PERATURAN UNTUK ATLET MASTER MALAYSIA MENYERTAI DALAM KEJOHANAN OLAHRAGA MASTER ASIA DAN DUNIA

Mengikut Peraturan WMA dan AMA:

- Semua atlet master Malaysia yang ingin menyertai dalam kejohanan olahraga masters seperti, di peringkat Asia (AMAC), Dunia (WMA) , WMA Indoor Championships dan WMA Non Stadia yang dianjurkan oleh WMA, AMA dan 'Regional Championships ' yang lain, mesti mendaftar melalui **Malaysian Masters Athletics Association (MMAA)**.
- Semua maklumat tentang atlet master dan penyertaannya mesti dihantar **kepada Setiausaha MMAA melalui Setiausaha / President Persatuan Olahraga Master Negeri.**
- **Maklumat yang dihantar terus oleh atlet master , dari Negeri yang sudah ada Persatuan Olahraga Master Negeri, kepada MMAA tidak akan dilayan.** Ini adalah untuk memastikan semua butiran mengenai penyertaan atlet dilaporkan kepada Persatuan Olahraga Master Negeri berkenaan.
- Atlet master dari Negeri di mana belum ada Persatuan Olahraga Master Negeri atau pun belum menjadi ahli dalam mana-mana Persatuan Olahraga Master Negeri, **dikehendaki mendaftar kepada MMAA** jika ingin menyertai dalam kejohanan-kejohanan tersebut di atas. **Syarat ini akan berkuatkuasa mulai 1 Mac 2017.** Borang pendaftaran boleh didapati daripada website MMAA : www.mmaa.org.my

Borang pendaftaran atlet master kepada MMAA mesti ditandatangani dan dihantar kepada Setiausaha MMAA.

Mendaftar dengan MMAA BUKAN bermakna menjadi ahli MMAA. Mengikut Perlembagaan MMAA, individu tidak boleh menjadi ahli MMAA mulai tahun 1996.

Pendaftaran ini adalah untuk mengambil bahagian dalam kejohanan olahraga master peringkat Asia dan Dunia sahaja. Ini adalah kehendak seperti dalam Perlembagaan WMA.

- MMAA akan **cuba mencari tajaan** untuk membekalkan pakaian uniform untuk semua atlet master yang menyertai dalam kejohanan olahraga master di peringkat Asia dan Dunia. Jika berjaya mendapat tajaan, seperti tahun-tahun yang sudah akan membekalkan pakaian dan aksesori kepada semua atlet. Ini **bukanlah satu yang wajib**. Jika tidak dapat sebarang tajaan, mungkin MMAA tidak akan membekalkan pakaian uniform, dan uniform yang dibekalkan sebelum itu perlu digunakan oleh semua atlet. Harap semua memahami kekangan kewangan MMAA.
- Syarat untuk menerima pakaian uniform dan aksesori lain (jika dibekalkan) adalah: **atlet master MESTI ada menyertai dalam kejohanan olahraga master Malaysia sekurang-kurangnya sekali dalam 2 tahun sebelum kejohanan Asia / Dunia yang ingin menyertainya.**

Contoh: Untuk menyertai dalam Kejohanan Olahraga Master Asia Ke-20 di China 2017, atlet master Malaysia yang ingin menyertainya mesti ada menyertai dalam Kejohanan Olahraga Master Malaysia pada tahun 2016 dan / atau tahun 2017. Ini adalah untuk memastikan atlet master negara yang suka menyertai dalam kejohanan di luar negara tetapi tidak mengambil bahagian dalam kejohanan yang dianjurkan di peringkat kebangsaan di negara kita oleh MMAA, untuk memberi sokongan kepada olahraga master di negara kita dahulu, sebelum ke luar negara.

Juga dinasihatkan kepada atlet master yang mendaftar untuk kejohanan dan mengambil pakaian uniform tetapi tidak menyertai dalam kejohanan atau Upacara Perasmian, untuk memulangkan semua yang dibekalkan. Mendaftar dan mengambil semua bahan tetapi tidak menyertai dalam kejohanan adalah menyalahi etika peserta.

- MMAA memegang kepada perlembagaan WMA iaitu, semua atlet master yang ingin menyertai dalam kejohanan olahraga master di peringkat Asia dan Dunia diberi peluang tanpa sebarang halangan. Setakat ini semua pendaftaran atlet master negara semuanya diberi kebenaran dan diluluskan oleh MMAA, tidak ada mana-mana atlet yang dihalang daripada menyertainya. Ini bermakna , kita **tidak membuat pemilihan khas** dan menghantar atlet-atlet yang boleh menang pingat sahaja.

Justeru itu, penyertaan semua atlet master adalah di bawah nama negara dan bukan dipilih khas untuk mewakili negara seperti sukan-sukan lain. MMAA tidak menetapkan sebarang had kelayakan untuk menyertai dalam kejohanan peringkat Asia dan Dunia. MMAA sentiasa menggalakkan semua yang berminat untuk menyertai dalam kejohanan-kejohanan olahraga master.

- Atlet master yang masih bekerja dan ingin menyertai dalam kejohanan olahraga master peringkat Asia dan Dunia, akan diberi surat permohonan CUTI TANPA REKOD (jika diperlukan) . Permohonan untuk mendapatkan surat ini **MESTI dihantar melalui Setiausaha/Presiden Persatuan Olahraga Master Negeri kepada Setiausaha MMAA**. Sebarang permohonan daripada individu tidak akan dilayan, untuk menghindar daripada penyelewengan.
- Semua atlet master yang akan menyertai dalam kejohanan olahraga master peringkat Asia, Dunia dan di luar negara mesti mengisi '**Borang deklarasi atlet**' sebelum memohon surat Cuti Tanpa Rekod atau pun selepas sahaja mendaftar sebagai peserta.
- Semua atlet master yang menyertai dalam kejohanan-kejohanan olahraga master mesti **mendapatkan surat kelulusan daripada doktor** yang

menunjukkan atlet master sihat dan cergas untuk menyertai kejohanan olahraga master.

- Semua atlet master mesti mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh pihak pengelola kejohanan seperti yang akan tertera dalam Technical Handbook / Borang Penyertaan dll.

Sekian, semua syarat yang ditetapkan adalah selaras dengan keperluan penyertaan atlet master dalam kejohanan olahraga serta untuk menyelaraskan dan memudahkan pengurusan atlet master di peringkat persatuan olahraga master negeri dan negara.

Terima kasih.

Ahli Majlis Tertinggi MMAA

Februari 2017